

Insiden tertukar bayi boleh tinggal kesan trauma: Pakar

KUALALUMPUR: Insiden tertukar bayi ketika dilahirkan 20 tahun lepas, dipercayai berlaku akibat kecuaiannya kakitangan sebuah hospital di Kota Bharu, Kelantan, boleh meninggalkan kesan trauma emosi serta mengganggu tingkah laku, bukan sahaja kepada ketiga-tiga mangsa tetapi juga kedua-dua keluarga terlibat.

Pegawai Psikologi Kanan, Pejabat Pendaftar Universiti Putra Malaysia (UPM) Siti Fatimah Abdul Ghani berkata kesemua pihak yang terlibat, pastinya memerlukan masa yang lama untuk menerima hakikat kejadian itu.

“Jika tiga mangsa berkenaan dan keluarga mereka reda dan positif dengan apa yang berlaku, kesan trauma akan dapat dihadapi dengan lebih cepat.

“Bagaimanapun, saya menasihati mereka supaya mendapatkan khidmat kaunseling yang bertauliah supaya dapat menyantuni emosi mereka secara praktikal,” katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan Bernama sebelum ini berkenaan dua keluarga terpaksa mengharungi kisah tragis apabila tiga bayi perempuan termasuk sepasang kembar tertukar ketika dilahirkan.

Kejadian itu disedari selepas ketiga-tiga mangsa, Adryani Iwani, ‘kembarnya’ Adryana Irwani dan kembar sebenarnya Noratirah Husin, masing-masing 20 tahun, menjalani ujian asid deoksiribonukleik (DNA) pada

September tahun lepas.

Mengulas lanjut tentang kejadian itu, Siti Fatimah berkata paling penting dalam situasi sekarang, keluarga terlibat perlu memastikan orientasi kefungisian diri mangsa terlibat seperti makan, minum dan komunikasi berjalan seperti biasa.

Menurutnya, pada masa yang sama mangsa mahupun ahli keluarganya perlu mengelakkan membandingkan diri antara satu sama lain, mengkritik atau mempertikaikan perkara yang sudah tersurat sejak azali itu.

“Yang terjadi adalah sesuatu ujian daripada Allah, ada sebab ia berlaku sama ada untuk kita teladani atau mengelak. Ia juga mungkin satu pengajaran besar kepada pihak yang terbabit, baik dalam soal kepekaan mahupun integriti,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan (Bimbingan dan Kaunseling) Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM) Dr Syed Mohamad Syed Abdullah percaya kedua-dua keluarga terbabit masih bergelut dengan perasaan terkejut, sedih dan keliru untuk menerima kejadian itu.

“Ini petanda-petanda normal (yang boleh dijangkakan) bagi mereka yang menghadapi sesuatu ujian. Mereka akan rasa marah, sedih dan akan ada sedikit kemaafaan, sehinggalah pada satu peringkat nanti mereka boleh berada pada tahap penerimaan sepenuhnya,” katanya. — Bernama